

Oleh Mohd Hilmie  
Hussin  
mohdhilmie@hmetro.com.my

Serdang

Universiti Putra Malaysia (UPM) perlu menjadi sebuah agensi peneraju dan rujukan dalam bidang pertanian di negara ini.

Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, Tan Sri Dr Ghauth Jasmon berkata, meskipun universiti terbabit bukan hanya menawarkan pengajian dalam bidang pertanian, sejarah lampau universiti terbabit menjadikannya sinonim dengan bidang itu.

Menurutnya, sekarang mahupun masa depan, dunia memerlukan makanan dan kita perlukan sekuriti makanan, semuanya berkaitan dengan pertanian.

"Saya rasa fakulti terbabit bidang pertanian perlu tampil dengan idea baharu, konsep baharu dan inisiatif baharu untuk menjadikan Malaysia peneraju bidang pertanian dan makanan.

"Malah, suasana yang dapat kita lihat di kampung adalah tanah terbiar. Saya harap UPM melakukan satu kajian dan tampil dengan dapatan bagaimana kita nak



DR Ghauth (dua dari kanan) dan Dr Aini (tengah) melihat tanaman padi yang dipamerkan, semalam.

mengubah pemikiran orang kampung untuk bercucuk tanam, sekali gus memperolehi pendapatan," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen ke-43

UPM 2019 di Bukit Ekspo, UPM, semalam.

Hadir sama, Naib Canselor UPM Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris.

Beliau berkata, orang kampung terutama masya-

rakat Melayu mempunyai beberapa hektar tanah namun kebanyakannya terbiar dan ditumbuhi lalang berbanding dibangunkan dengan pertanian yang mampu menghasilkan pendapa-

tan memuaskan.

Katanya, melalui cara ini juga UPM dapat menjadi pendahulu dalam bidang pertanian kerana tuan tanah yang kecil ini juga mampu menghasilkan pendapatan



Orang kampung terutama masyarakat Melayu mempunyai beberapa hektar tanah namun kebanyakannya terbiar dan ditumbuhi lalang"

Dr Ghauth

yang tinggi sebagaimana pemilik ladang, namun memerlukan satu kaedah yang tersusun.

Sementara itu, Dr Aini berkata, program pada Ekspo Pertanian tahun ini khusus kepada agro-makanan merangkumi pertanian, hortikultur, ternakan dan akuakultur yang menjadi landskap UPM.

Pesta selama enam hari bermula semalam hingga 20 November itu menyediakan pelbagai aktiviti menarik.

"Menggunakan tema Sekuriti Makanan dan Kesejahteraan Rakyat, kita sedar sektor pertanian akan terus kekal penting dan relevan. *Food Security* bermakna bekalan makanan yang mencukupi untuk semua rakyat pada setiap masa," katanya ketika berucap.